

Penentangan Rakyat Terengganu Terhadap Inggeris dan Kerajaan Pada Tahun 1928M Mengikut Perspektif Islam

Abu Bakar Abdullah
Basri Ibrahim

Abstrak

Artikel ini cuba mengetengahkan bahawa perjuangan rakyat Terengganu menentang penjajah Inggeris dan kerajaan pada masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah bukan merupakan suatu penderhakaan, pemberontakan atau bughah sebagaimana yang dilabelkan oleh Inggeris, kerajaan dan sesetengah pengkaji, tetapi penentangan tersebut merupakan jihad rakyat Terengganu bagi membebaskan negeri Terengganu dan kerajaan daripada penguasaan penjajah Inggeris. Kajian ini dibuat berdasarkan fakta-fakta sejarah dengan merujuk kepada dokumen dan buku-buku sejarah dan diulas mengikut pandangan hukum syarak berpandukan al-Quran, hadith dan pendapat fuqaha'. Kajian ini mendapati penentangan tersebut adalah sah mengikut hukum syarak dan mereka yang terlibat dalam penentangan ini boleh dilabel sebagai pejuang kemerdekaan dan yang gugur sebagai pahlawan dan jasa mereka patut dikenang.

Kata kunci: penjajahan; penderhakaan dan pemberontakan; jihad; pejuang kemerdekaan; syariat Islam.

Abstract

This article tries to highlight the fight of the people of Terengganu against the British Colonial and the government during the reign of Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Actually the fight is not the revenge, rebel retaliation of the people as stated by the British, the government as well as the researchers, but this fight is the jihad of the people to set free the state of Terengganu from the British Colonial. This study is carried out with reference to historical facts, documents and history books and reviewed in accordance with syariah law from the stated in the Holy Quran, Hadith and Fuqaha point of view. This research also stresses that the fight is lawful as stated in Syariah Law and those involved in this act is better known as the warriors in the fight for independence and those sacrificed their lives in this fight should be remembered and highly appreciated.

Keywords: colonial; rebel and retaliation; jihad; fight for independence; syariah law.

Pengenalan

Sebelum kedatangan penjajah Inggeris ke negeri Terengganu rakyat hidup dalam keadaan aman dan damai di bawah pemerintahan Islam yang adil, kerana sistem pemerintahan yang dilaksanakan adalah mengikut sistem pemerintahan Islam dan undang-undang yang dilaksanakan mengikut syariat Islam (Muhammad Yusoff 1991, 396). Sultan dan pembesar negeri kebanyakannya terdiri dari kalangan mereka yang berpegang kuat kepada agama dan sentiasa mendapat nasihat daripada para ulama dalam mentadbir negeri. Keadaan ini berubah setelah kedatangan Inggeris ke Terengganu dan campur tangan dalam urusan pemerintahan dan perundangan negeri sekitar abad ke 19 Masehi.

Kedatangan penjajah Inggeris adalah bertujuan untuk menjajah dan menjadikan negeri Terengganu dan negeri-negeri Melayu yang lain sebagai tanah jajahannya dengan menguasai politik, pentadbiran, ekonomi dan menyebarkan agama Kristian, (Harrison 1966, 7) di samping bertujuan

untuk memperkenalkan undang-undang Inggeris dan menyekat pelaksanaan syariat Islam (Ahmad Mohamed dan Ahilemah 1986, 48). Tindakan penjajah Inggeris pada peringkat awal mendapat tentangan daripada pihak istana, para pembesar dan para ulama. Penentangan ini tidak membimbangkan penjajah Inggeris, tetapi penentangan yang melibatkan ulama, pemimpin tempatan dan rakyat jelata amat membimbangkan Inggeris kerana penentangan tersebut menggugat kedudukannya.

Artikel ini akan membincangkan tentang penentangan rakyat Terengganu terhadap penjajah Inggeris dan kerajaan Terengganu pada tahun 1928M semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920-1942M) kerana ia merupakan kemuncak penentangan tersebut. Persoalannya, adakah penentangan tersebut boleh dilabelkan sebagai penderhakaan dan pemberontakan atau *bughah* mengikut pandangan Islam? Bolehkah kerajaan membunuh dan mengenakan hukuman berat ke atas mereka yang terlibat dalam penentangan tersebut?

Pandangan tentang persoalan ini telah dihuraikan oleh para pengkaji dalam karya-karya mereka. Antaranya Mohamad (1970), Timah (1976), Abdullah Zakaria (1979) dan Jang Aisjah (1972). Abdullah (1957) lebih cenderung melabelkan penentangan rakyat terhadap penjajah Inggeris dan kerajaan sebagai penderhakaan atau pemberontakan atau Anti British. Abu Bakar (1986) dan Zahadi (1996) lebih cenderung kepada anggapan penentangan tersebut sebagai kewajipan jihad. Tokoh-tokoh ulama yang membincangkan tentang *bughah* pula antaranya ialah al-Syafi'i (2001), Taqiyu Addin Abi Bakr (2000), al-Bajuri (t.th.), al-Syarbini (t.th.), Zaydan (1976), al-Zuhayli (1997) dan lain-lain.

Artikel ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan. Data-datanya dipungut daripada pelbagai pandangan pengkaji yang dimuatkan dalam karya-karya mereka terutamanya yang berkait dengan persoalan sejarah dan fiqh. Data-data ini dianalisa dan dibuat kesimpulan serta dikaitkan dengan nas-nas al-Quran, al-hadith dan pandangan ulama terdahulu dan kini.

Penentangan rakyat Terengganu terhadap Inggeris dan kerajaan pada tahun 1928M semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920—1942M) dilabelkan sebagai penderhakaan dan pemberontakan bukan sahaja oleh Inggeris dan kerajaan tetapi juga oleh sesetengah pengkaji dan penulis. Anggapan seperti ini ada persamaan dengan anggapan kepada penentangan terhadap Inggeris yang berlaku di Pahang (Jang Aisjah 1972), dan Kelantan (Abdullah 1957).

Pengkaji cuba mengetengahkan persoalan ini mengikut perspektif Islam bagi membuktikan penentangan tersebut tidak boleh dianggap sebagai penderhakaan dan pemberontakan, tetapi merupakan perjuangan jihad rakyat menentang penjajah Inggeris bagi membebaskan negeri Terengganu daripada campur tangan Inggeris dan kerajaan yang dikuasai oleh Inggeris di samping menentang pelaksanaan undang-undang Inggeris dan mengembalikan kedaulatan dan pelaksanaan syariat Islam. Mereka yang berjuang selayaknya dilabelkan sebagai pejuang kemerdekaan, manakala mereka yang gugur dianggap sebagai pahlawan. Perjuangan mereka wajar dikenang oleh generasi kini dan akan datang.

Perbincangan ditumpukan kepada penentangan tersebut dari perspektif Islam, iaitu adakah ia boleh disamakan dengan *bughah* mengikut hukum syarak yang membolehkan pihak kerajaan memerangi dan membunuh mereka atau pun tidak (al-Bajuri t.th., 251; al-Zuhayli 1997, 5483). Artikel ini akan mengemukakan sebab-sebab, pendekatan dan matlamat penentangan, di samping menjelaskan adakah pendekatan yang diambil oleh Inggeris dan kerajaan dalam menangani penentangan tersebut diharuskan oleh Islam dengan ulasan berasaskan kepada nas-nas al-Quran, hadith dan pendapat para fuqaha'.

Sebab-sebab Penentangan

Penentangan rakyat Terengganu terhadap Inggeris disebabkan beberapa faktor utama. Antaranya adalah campur tangan Inggeris dalam pemerintahan dan perundangan, pelaksanaan undang-undang Inggeris dan pengetepian syariat Islam, penubuhan mahkamah awam, hilang harapan dan pergantungan kepada kerajaan dan kewajipan berjihad.

Campur Tangan Inggeris dalam Pemerintahan dan Perundangan

Penjajah Inggeris meletakkan negeri Terengganu di bawah naungan dan jajahan takluknya secara aman iaitu menerusi Perjanjian Bangkok pada tahun 1909 (Jessy 1965, 257-259). Perjanjian itu disempurnakan dengan perjanjian yang dimeterai antara Arthur Henderson Young, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu dengan Sultan Muhammad Syah II pada 24 Mei 1919M di Singapura, walaupun perjanjian tersebut dibuat secara terpaksa dan bercanggah dengan fasal 14 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang melarang sama sekali mana-mana sultan menyerahkan negeri Terengganu kepada kerajaan asing atau kuasa Eropah (Zainal Abidin 1911, 14). Inggeris percaya, untuk mengadakan perjanjian dengan sultan dan pihak berkuasa negeri-negeri Melayu bukanlah suatu perkara yang sukar, sekiranya kepentingan mereka dijaga. Henry Ord, Gabenor Negeri-Negeri Selat pernah menegaskan:

Nothing is more difficult then to get these peoples (The Malay Rulers) to make treaties from which they derive no benefit, except it be to prelude the colonial office approve of them.

(Sadka 1968: 41)

Dengan perjanjian tersebut, sultan dan pihak berkuasa negeri bersetuju menerima J.L. Humphreys sebagai Penasihat Inggeris yang menasihati baginda dalam urusan pemerintahan kecuali dalam perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu dan nasihat tersebut hendaklah diikuti (Terengganu Great Britain Treaty, 24 May 1919M Article II, C.O.273/487, Young to C.O. 4 June 1919M, 280-281). Ini bermakna Penasihat Inggeris memiliki kuasa pemerintahan yang lebih banyak dan luas, berbanding dengan kuasa sultan yang hanya terhad dalam perkara yang berkait dengan agama Islam dan adat Melayu. Pemerintahan dijalankan atas nama sultan dengan tujuan supaya rakyat mentaatinya. Kalau menentang dianggap menderhaka kepada sultan.

Humphreys memperkenalkan dan melaksanakan sistem pentadbiran dan undang-undang Inggeris bagi menggantikan sistem pentadbiran dan undang-undang Islam yang sedia ada (Ahmad 1970, 10). Inggeris menganggap sistem pentadbiran yang diamalkan di negeri-negeri Melayu termasuk Terengganu adalah lemah dan tidak membawa kemajuan kepada negeri di samping tiada sistem undang-undang yang teratur dan undang-undang Islam yang dilaksanakan dianggap zalim dan tidak praktikal (Gullick 1970, 182). Inggeris memperkenalkan sistem pentadbiran dan undang-undangnya pada masa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah melalui Majlis Negeri (Muhammad Hussein 1970, 96-97; Wright 1908, 131- 134).

Majlis Negeri ditubuhkan bagi menggantikan Majlis Mesyuarat Negeri yang sedia ada, dipengerusi oleh sultan dan dianggotai oleh Penasihat Inggeris dan Syeikhul Islam. Ia berfungsi sebagai badan yang bertanggungjawab memutuskan segala dasar pentadbiran dan meluluskan undang-undang dan peraturan yang dilaksanakan (Wilkinson 1907, 103). Pentadbiran negeri, undang-undang dan peraturan dilaksanakan atas nama sultan (Abdullah Zakaria 1979, 46).

Pelaksanaan Undang-undang Inggeris dan Pengepian Syariat Islam

Antara undang-undang dan peraturan yang diperkenalkan dan dilaksanakan ialah undang-undang dan peraturan bagi mengawal rakyat daripada menebang hutan dan membuka tanah. Setiap penduduk yang ingin membuka tanah mesti terlebih dahulu mendapat permit dari pejabat tanah dengan bayaran 50 sen setahun. Hutan yang berumur kurang daripada tujuh tahun tidak boleh ditebang. Mereka yang membuka tanah dan mengeluarkan hasil hutan tanpa mengambil pas akan disaman, didenda dan dihukum penjara (Abdullah Zakaria 1976, 46).

Rakyat menganggap undang-undang dan peraturan yang melarang mereka meneroka tanah tanpa mendapat kebenaran kerajaan tersebut berlawanan dengan hukum syarak berdasarkan mazhab Syafi'i kerana menurut mazhab Syafi'i sesiapa yang membuka tanah kerajaan, tanah tersebut menjadi miliknya (al-Sabiq 1999, 136-137). Tambahan pula undang-undang tersebut amat menyusahkan mereka kerana sebelum itu mereka bebas membuka tanah untuk diduduki dan menjalankan kegiatan pertanian, memburu dan mengeluarkan hasil hutan tanpa perlu mendapat kebenaran dari pihak kerajaan (Abu Bakar 1986, 148).

Penubuhan Mahkamah Awam

Inggeris menubuhkan Mahkamah Awam dan memansuhkan Mahkamah Syariah. Mahkamah Awam yang ditubuhkan mempunyai bidang kuasa yang luas, meliputi jenayah dan sivil, manakala Mahkamah Syariah digantikan dengan Mahkamah Kadi dan mempunyai bidang kuasa yang terhad iaitu mengenai kekeluargaan Islam dan adat Melayu. Mason, Penasihat Inggeris di negeri Kelantan menyatakan:

Dari hal Mahkamah Syariah itu di sebelah negeri-negeri luar tiada berkehendak diadakan kerana jika ada hukuman tersebut dengan perkara agama "...memadai dengan kadi sahaja dan jika ada perkara berkenaan dengan pusaka-pusaka boleh kadi itu membahagikan atas jalan hukum Muhammadiyah kemudian telah dibicarakan oleh hakim Mahkamah Adat.

(Kel.M.218/1913)

Setiap kes yang disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Awam dikenakan hukuman mengikut undang-undang Inggeris dan atas nama sultan, supaya hukuman tersebut dipatuhi. Jika tidak dipatuhi, ia dianggap sebagai menderhaka kepada kerajaan, (Cowan 1970, 302) sedangkan sebelum Inggeris memperkenalkan dan melaksanakan undang-undangnya, syariat Islam dilaksanakan dalam semua bidang dan rakyat mematuhi, kerana ia merupakan hukum Allah yang wajib dipatuhi, bukan sahaja oleh rakyat, tetapi juga oleh pemerintah.

Tindakan penjajah Inggeris mengeneipkan sebahagian besar syariat Islam terpaksa diakur oleh sultan, pembesar negeri dan Syeikhul Islam iaitu ulama yang dilantik sebagai penasihat sultan. Mereka terpaksa bekerjasama dengan Inggeris kerana terikat dengan perjanjian yang dibuat untuk menjaga kedudukan serta kepentingan diri masing-masing. Keadaan ini menyebabkan rakyat bangkit menentangnya (Roff 1974, 93).

Hilang Harapan dan Pergantungan kepada Kerajaan

Kerjasama yang diberikan oleh sultan, pembesar negeri dan Syeikhul Islam (Tuan Embong) kepada Inggeris dalam pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang dikenakan ke atas rakyat dan pengeneipian sebahagian besar syariat Islam menyebabkan rakyat tidak lagi menaruh harapan dan pergantungan kepada sultan, para pembesar negeri dan Syeikhul Islam bagi menyingkir penjajah Inggeris, mempertahankan kedaulatan syariat Islam dan membela nasib mereka. Mereka dapati kerajaan telah dikuasai oleh Inggeris dan sultan, pembesar negeri dan Syeikhul Islam sanggup diperalatkan oleh Inggeris serta mereka dianggap sebagai 'Orang Neraka' yang patut dihapuskan dari bumi Terengganu (C.O.717/2 Conf. Guillemard to Miller, 10 Jun, 1920). Oleh yang demikian mereka mengambil keputusan melancarkan penentangan yang dianggap sebagai jihad fi sabilillah yang menjadi kewajipan mereka sebagaimana yang dituntut oleh Islam (C.O, 717/61, Exhibit R: 139).

Kewajipan Berjihad

Penentangan rakyat Terengganu terhadap Inggeris adalah merupakan kewajipan jihad yang dituntut dalam Islam. Bagi mereka, penjajah Inggeris adalah musuh Islam dan wajib mereka berjihad menentangnya, sebagaimana yang diperintah oleh Allah s.w.t. (al-Baqarah: 190). Allah s.w.t. mewajibkan orang-orang beriman berjihad menentang orang kafir yang menceroboh negara Islam (Ibn Kathir 1986, 227). Rasulullah s.a.w. juga memerintah umatnya supaya berjihad menentang musuh-musuh mereka (al-Khatib t.th.,208-209). Perjuangan mereka juga berdasarkan pendapat para ulama tentang kewajipan jihad menentang orang kafir yang menjajah negara Islam (al-Syafi'i 2001, 266-268; Ibn Qudamah 1969, 179; al-Bana,1948, 34).

Pendekatan Penentangan

Penentangan terhadap penjajah Inggeris dan kerajaan dikendalikan oleh Sarekat Islam (Timah 1981,111). Sarekat Islam merupakan pertubuhan politik Islam yang ditubuhkan di Beserah, Pahang yang dipimpin oleh Abdul Rahman Abdul Hamid (Abdul Rahman Limbong) dan dianggotai oleh orang-orang Pahang dan Terengganu untuk menentang penjajah (Ridhuan & Mohd Fadhli 2007,144-146).

Haji Abdul Rahman Limbong merupakan seorang ulama dan pemimpin yang disegani dan dihormati oleh para pengikutnya (C.O.717/61 File No.52432/28; Humphreys kepada Backett 22 April 1922). Beliau dibantu oleh beberapa orang ulama seperti Sayyid Saggof, Musa bin Abdul Ghani Minangkabau dan Abdul Rahman Abdul Samad (Lebai Deraman atau Tok Janggut Telemong) dan pemimpin masyarakat seperti Penghulu Salleh Tersat, Abu Bakar Cetting, Haji Tahir Kampung Gunung, Mat Zin Mat Min Telemong, Zakaria, Mahmud Mat Diah, Abdullah Jurukaka, Yusof Hitam, Salleh Abdul Rahman Limbong, Engku Mat Kuala Pueh, Encik Isa Paloh, Mamat Pitas Pasir Nyior dan lain-lain serta pengikut masing-masing. Penentangan terhadap Inggeris dan kerajaan dilakukan melalui dua pendekatan secara diplomasi (*muwajahah silmiyyah*) dan penentangan dengan kekuatan (*muwajah bi al-quwwah*).

Penentangan Secara Diplomasi (Muwajahah Silmiyyah)

Pada peringkat awal penentangan dilakukan secara diplomasi dengan mengambil sikap enggan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diperkenal dan dilaksanakan oleh Inggeris. Undang-undang tersebut menyatakan.

Apa sahaja tanah yang hendak diduduki mestilah terlebih dahulu mendapat permit daripada pejabat tanah dengan bayaran 50 sen setahun dan hutan yang belum cukup umur tujuh tahun tidak boleh ditebang.

(Report On Certain Matter Connectes with One Haji Drahman of Terengganu 24 November 1922).

Undang-undang tersebut diperkenalkan bertujuan untuk mengawal rakyat membuka tanah dan menebas hutan tanpa kebenaran kerajaan dan ia sahaja menyusahkan rakyat (Abdullah Zakaria 1979, 46). Mereka juga percaya arahan dan peraturan yang dikenakan oleh pihak kerajaan bercanggah dengan hukum syarak kerana mengikut pandangan majoriti ulama, rakyat yang meneroka tanah kerajaan atau *ardhu mawat*, tanah tersebut menjadi miliknya sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. (al-Bukhari 1985, 163). Walau bagaimanapun sebahagian ulama berpendapat rakyat mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan dan kerajaan berhak mengawal serta mengenakan cukai ke atas tanah yang diusahakan (al-Sabiq 1999, 136-137). Namun mereka berpegang kepada pendapat sebahagian besar ulama dalam mazhab al-Syafi'i. Oleh yang demikian, mereka enggan mematuhi arahan tersebut.

Penentangan dengan Kekuatan (Muwajah bi al-Quwwah)

Oleh kerana penentangan secara diplomasi terhadap Inggeris dan kerajaan tidak berjaya, rakyat terpaksa menggunakan pendekatan secara kekuatan *Muwajahah bi al-Quwwah* dengan mengisytiharkan perang jihad atau perang sabil terhadap Inggeris. Penentangan secara kekuatan dilakukan dengan beberapa pendekatan, antaranya:

1. Menjalankan kempen supaya umat Islam melancarkan perang sabil terhadap Inggeris dan kerajaan. Contohnya kempen yang dijalankan oleh Sayyid Saqqof bin Sayyid Abdul Rahman (C.O.717/61, Exhibit R:139).
2. Menubuhkan beberapa pasukan yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin tempatan mengikut daerah masing-masing. Mat Zin Mat Min memimpin pasukan penduduk daerah Telemong dengan dibantu oleh Mahmud dan Zakaria (Kia), Abdul Rahman Abdul Samad (Tok Janggut) memimpin penduduk Kampung Pelam yang ditugaskan untuk menawan Kuala Telemong dan Bukit Payong. Yusof Hitam atau Pak Soh Hitam memimpin penduduk daerah Marang yang ditugaskan menawan Marang. Haji Yusof Dungun, Haji Awang bin Haji Ali (Imam masjid Kampung Buluh), Tuan Muda Tikat. Tuan Muda Langgar Ulu. Che Abu Bakar Kuala Por, Imam Taib Pasir Nering, Abu Bakar Ceting, Ismail Kuala Por, Abdullah Jurukaka, Mat Pitas Pasir Nyior dan Engku Mat Kuala Pueh pula memimpin penduduk Kuala Berang.

3. Menawan dan menduduki Kuala Berang pada 20 Mei 1928 dan bendera Sarekat Islam berwarna merah dikibarkan pada bangunan kerajaan (Abdullah Zakaria 1979, 13). Mengatur rancangan untuk menawan Kuala Temong dan Kuala Terengganu.

Penentangan yang dilakukan oleh mereka lebih merupakan demonstrasi secara aman atau *thawh sya'ab* tanpa menggunakan senjata bagi menyatakan suara rakyat supaya kerajaan mengambil perhatian terhadap kehendak mereka. Strategi yang digunakan sesuai dengan situasi pada ketika itu.

Pendekatan Penjajah Inggeris dan Kerajaan dalam Menangani Penentangan

Gerakan penentangan rakyat terhadap kerajaan yang dikuasai oleh penjajah Inggeris dilakukan melalui pendekatan secara diplomasi, melabelkan penentang sebagai penderhaka dan membunuh serta mengenakan hukuman berat ke atas penentang Inggeris dan kerajaan.

Pendekatan Secara Diplomasi

Penjajah Inggeris mengambil pendekatan secara diplomasi bagi menangani penentangan terhadapnya. Antaranya mendakwa mereka yang terlibat di mahkamah dan mengenakan hukuman. Contohnya Inggeris dan kerajaan mendakwa peneroka tanah kerajaan tanpa kebenaran dan mendakwa Musa bin Abdul Ghani Minangkabau yang dianggap pengacau di mahkamah atas tuduhan menghasut rakyat menentang kerajaan. Mereka disabitkan kesalahan dan membayar denda yang dikenakan. Musa dikenakan denda sebanyak 25 ringgit. Beliau membayar denda tersebut pada 26 Zulkaedah 1342H. Penentangan umat Islam secara diplomasi tidak dianggap oleh Inggeris dan kerajaan sebagai penderhakaan dan pemberontakan.

Melabelkan Penentang sebagai Penderhaka

Inggeris dan kerajaan melabelkan rakyat yang menentangnya sebagai penderhaka apabila mereka menentang Inggeris dan kerajaan secara kekuatan dengan mengarahkan pasukan kerajaan membunuh mereka jika mereka melawan atau enggan menurut perintah (SUK (Trg) 1295/1346 (Pemberitahuan Khas 5 Zulhijjah 1346 bersamaan 26 Mei 1928, Perintah Tembak Penderhaka).

Membunuh dan Mengenakan Hukuman Berat Ke Atas Penentang Inggeris dan Kerajaan

Penjajah Inggeris dan kerajaan membunuh penentangnya dalam pertempuran di Padang Kacong, Kuala Temong. Seramai 12 orang pengikut Abdul Rahman Limbong ditembak mati (SUK Terengganu 1295/1346 'Ingatan' Pemberitahuan Khas Pada 5 Zulhijjah 1346 Perkara Penderhakaan Rakyat-Rakyat Hulu Terengganu). Mereka ialah Mahmud Mat Diah, Idris Mamat, Abdullah Mamat, Muhammad Jusoh, Ismail Ali, Muhammad Yunus, Muhammad Musa, Mat Yasin Ali, Abdullah Pak Lah Tiong, Bakar Jusoh dan Mamat Yahya. Pemimpin-pemimpin pasukan tersebut ditangkap, dihukum penjara dan dikenakan perintah kerja berat (Temu bual Salim Embong 82, Imam Masjid Kuala Temong Rabu 15 Ogos 2012) dan Abdul Limbong dibuang negeri ke Mekah (Perisytiharan dibuat oleh Jabatan SUK Terengganu pada 12 Zulhijjah 1346H bersamaan 2 Jun 1928 melalui surat Pemberitahuan Bil.1295/1346).

Penentangan Terhadap Penjajah Inggeris dan Kerajaan

Berdasarkan fakta-fakta tersebut jelas menunjukkan penentangan rakyat Terengganu terhadap penjajah Inggeris adalah bertujuan untuk membebaskan negeri Terengganu daripada cengkaman kafir Inggeris yang diibaratkan sebagai api dan sangat merbahaya, di samping untuk mengembalikan kemerdekaan negeri dan kedaulatan syariat Islam (Saleh 1992, 256). Penentangan mereka terhadap kerajaan pula ialah kerana kerajaan ketika itu dikuasai oleh Inggeris dan bertindak mengikut kehendak Inggeris. Mereka menganggap kerajaan tidak berlaku adil terhadap rakyat dengan melaksanakan undang-undang dan peraturan yang bercanggah dengan hukum syarak.

Oleh yang demikian penentangan mereka tidak boleh disamakan dengan penderhakaan atau pemberontakan sebagaimana yang dilabelkan oleh sesetengah ahli sejarah atau *bughah* mengikut syariat Islam, kerana penentangan tersebut tidak menepati syarat-syarat *bughah* dan penentangan tersebut adalah sah mengikut syariat Islam.

Mengikut syariat Islam, penderhakaan dan pemberontakan atau *bughah* adalah merupakan Jenayah Siyasah jika ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh hukum syarak (Taqiyu ad-Din Abi Bakr 2000, 269). Antara syarat-syaratnya ialah:

1. Penentangan dilakukan dengan tujuan untuk menggulingkan ketua negara atau tidak mahu lagi mematuhi pemerintahannya dan hukum menderhaka pemerintah adalah haram, (al-Sona'ani 1997, 374) sedangkan penentangan rakyat bertujuan membebaskan negeri mereka daripada penjajahan Inggeris. Tambahan pula kerajaan dikuasai oleh Inggeris. Penentangan bukan bertujuan menderhaka kepada sultan kerana bagi mereka sebagai rakyat, pantang derhaka kepada raja dan penentangan tersebut adalah suatu kewajipan mengikut hukum syarak (al-Quran, Ali Imran, 104).
2. Terdapat sebab-sebab penentangan dasar pemerintah, sekalipun sebab-sebab penentangan yang dilakukan itu merupakan sebab yang paling lemah (al-Khatib t.th., 123). Rakyat Terengganu menentang penjajah dan kerajaan kerana dasar pemerintahan yang dilaksanakan bercanggah dengan Islam dan menjadi kewajipan umat Islam menentangnya. Penentangan tersebut sebagai kewajipan mereka menyuruh yang ma'rif dan mencegah yang mungkar (Basri 2000, 111, 118, 122).
3. Penentangan tersebut mempunyai kekuatan dan dipimpin oleh pemimpin yang ditaati untuk merancang, mengatur dan menyusun penentangan yang dilancarkan ke atas pemerintah, sedangkan umat Islam walaupun mereka dipimpin oleh pemimpin yang merancang dan menyusun penentangan tersebut, tetapi mereka tidak menggunakan senjata termasuk 25 pucuk senapang, pistol, dan senjata lain yang dimiliki dan tiada seorang pun anggota pasukan kerajaan yang cedera atau dibunuh dalam tempoh penentangan tersebut. Penentangan tersebut lebih merupakan demonstrasi rakyat secara aman untuk menyatakan dan menyampaikan hasrat tidak puas hati dan bantahan mereka kepada kerajaan. Mengikut Zaydan, (1976, 234), yang boleh dianggap jenayah *bughah* ialah apabila ia dilakukan dengan menggunakan kekuatan senjata. Oleh yang demikian, penentangan tersebut tidak boleh dianggap sebagai penderhakaan atau pemberontakan kerana mereka tidak menggunakan senjata.

Mengikut syarak, penderhaka dan pemberontak yang wajib diperangi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Mereka mempunyai kekuatan dan berterus terang secara terbuka menentang pemerintah yang adil, (al-Khatib t.th., 124) sedangkan rakyat Terengganu menentang pemerintah yang dianggap zalim kerana tidak melaksanakan syariat Islam dan sebaliknya melaksanakan undang-undang Inggeris yang menyusahkan rakyat (Zahadi 1996, 258).
2. Mereka keluar dari pentadbiran kerajaan, menubuhkan kerajaan lain dan melantik ketua negara yang lain, (al-Zuhayli 1997, 5483) sedangkan dalam penentangan ini rakyat tidak mengisytiharkan keluar daripada pentadbiran kerajaan dan tiada bukti yang jelas mereka berhasrat menubuhkan kerajaan dan melantik sultan yang lain.
3. Terdapat salah faham dan kekeliruan dalam kalangan mereka yang menentang kerajaan dengan menganggap mereka boleh keluar dari penguasaan dan pentadbiran kerajaan, sedangkan perkara ini tidak berlaku kepada umat Islam yang menentang kerajaan (al-Khatib t.th., 124).
4. Mereka sudah diajak berunding oleh ketua negara, sedangkan pemimpin gerakan penentangan tersebut sudah berunding dengan pihak kerajaan, tetapi tiada penyelesaian yang dicapai (Zahadi 1996, 258).

5. Mereka mengadakan rusuhan, kekacauan dalam negeri, seperti membakar, membunuh dan sebagainya. Mereka yang menentang dan memenuhi syarat-syarat tersebut boleh dianggap sebagai penderhaka dan pemberontak yang wajib diperangi oleh pemerintah sehingga mereka kembali taat setia kepada pemerintah (al-Hujurat: 9) sedangkan rakyat Terengganu tidak membuat rusuhan, kekacauan dan huru hara dalam negeri. Mereka tidak membunuh, kerana mereka dipimpin oleh ulama yang mengetahui dosa pahala dan batas-batas yang diizinkan dan yang dilarang oleh Islam. Tambahan pula mereka tidak mampu menentang penjajah Inggeris dan kerajaan dengan kekuatan senjata kerana mereka mengetahui apa yang berlaku ke atas penentang-penentang Inggeris di Perak, Pahang dan Kelantan yang sedikit sebanyak memberi pengajaran kepada mereka. Penentangan tersebut merupakan demonstrasi rakyat bagi menyuarakan bantahan dan tentangan mereka terhadap pemerintah secara aman, walaupun mereka memiliki 25 laras senjata api, sepucuk pistol dan senjata-senjata lain seperti keris, pedang dan parang, tetapi mereka tidak menggunakan senjata-senjata tersebut. Maka penentangan itu tidak boleh dianggap sebagai suatu penderhakaan atau pemberontakan.

Tindakan Penjajah Inggeris dan Kerajaan Terhadap Penentangannya

Tindakan penjajah Inggeris dan kerajaan membunuh dan mengenakan hukuman penjara, kerja berat dan buang negeri kepada rakyat yang menentangannya adalah zalim dan bercanggah dengan hukum syarak. Menurut Imam al-Syafi'i (2001, 514), pemerintah hendaklah berlaku adil terhadap para penentang dengan memberi kebebasan kepada rakyat untuk menuntut hak mereka di samping bertanggungjawab menunaikan tuntutan rakyat termasuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dan menangani tuntutan mereka dengan cara yang baik dan adil, bukan dengan cara zalim.

Kesimpulan

Penentangan rakyat Terengganu terhadap Inggeris dan kerajaan pada tahun 1928M semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang dilabelkan sebagai penderhakaan dan pemberontakan atau *bughah* adalah tidak wajar mengikut perspektif Islam, kerana mereka menentang Inggeris untuk membebaskan negeri Terengganu daripada cengkaman penjajah dan kerajaan yang pada ketika itu dikuasai oleh Inggeris. Penentangan tersebut adalah jihad yang dituntut oleh Islam dan sah mengikut hukum syarak. Penentangan itu juga tidak memenuhi syarat-syarat yang boleh dilabelkan sebagai penderhakaan dan pemberontakan atau *bughah*.

Kenyataan ini berdasarkan percakapan Abdul Rahman Limbong dengan J.D.Hall, Pembantu Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi Inggeris yang menyatakan bahawa sebenarnya penentangan rakyat terhadap Inggeris adalah bertujuan untuk membebaskan negeri Terengganu daripada kekangan kuasa asing untuk mendapat keadilan kepada rakyat yang miskin dan tertindas, bebas menyebar dan menghayati ajaran Islam melaksanakan syariat Islam (Zahadi 1996, 258). Kenyataan tersebut diperkuatkan dengan risalah yang ditulis oleh Musa Abdul Ghani Minangkabau mengenai undang-undang dan peraturan kerajaan bercanggah dengan ajaran Islam dan risalah tersebut disebar kepada rakyat, (Enquiry Into Recent Affairs in Terengganu, 1928. dalam C.O.: 95) bahkan mereka layak dilabelkan sebagai wira dan pahlawan sebagaimana yang tertera di papan tanda makam mereka (papan tanda nama-nama mereka di makam pahlawan di perkarangan masjid Kuala Telemong).

Rujukan

Al- Quran al-Karim.

Abdulah Basmeh dan Muhammad Noor Ibrahim. 1998. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.

Abdullah bin Amirah. 1957. *Riwayat Hidup Tok Janggut*, George Town: Sinaran Bross Press.

Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. 1985. *Sahih al-Bukhariy* Juz.4. Ulang cetak. Kaherah: Lajnah Ihya' Kutub al Sunnah.

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1979. *Kebangkitan-Kebangkitan Anti British di Semenanjung Tanah Melayu'* Dlm. Khoo Kay Kim. *Malaysia Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abi Dawud Sulayman al-Asy'at al-Sajastani. t.th. *Sunan Abi Dawud*. Juz. 7. Istanbul: t.pt.
- Abu Bakar bin Abdullah. 1986. *Ke arah Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaian*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai.
- Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned. 1970. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al- Bajuri, Ibrahim. t.th. *Hasyiah al-Bajuriy*. Juz.2. Jeddah: al-Haramayn.
- al-Bana, Muhammad.1948. *Athar Ikhtilaf al-'ulama' fi al-Jihad Liwa' al-Islam*. Damsyik: Dar al-Kitab.
- Basri bin Ibrahim. 2000. *Amar Ma'ruf Nahyu Munkar Meraih Kebaikan Mencegah Kemungkaran*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Berhanundin bin Abdullah. 2009. *Pemerintah dan ulama dalam menghadapi ancaman kuasa asing di Terengganu dari tahun 1888-1948M*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il. 1985. *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Ihya' Kutub al-Sunnah.
- C.O. 717/2 Conf. Guillemard to Miller, 10 June 1920. Exhibit R,137.
- C.O. 717/61, Exhibit ,139.
- C.O.717/61 File No.52432/28, Humphreys to Backett 22 April 1922.
- Cowan, C.D. 1970. *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enquiry into Recent Affairs in Terengganu, 1928 dalam C.O. 717/61.
- Gullick, J.M. 1970. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Haitamiy, Syihab al-Din Ahmad bin Hajar. t.th. *Hawasyi 'Ala Tahfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Harrison, B. 1966. *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Jaziriy, Abd al-Rahman. 2001. *Al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il. 1986. *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Khatib, Syams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Syarbini. t.th. *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah: Matba'ah Mustafa Muhammad.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad. 1969. *Al-Mughni*. Kaherah: Matba'ah al-Qahirah.
- Ibrahim bin Nik Mahmood.1974. 'The Tok Janggut Rebellion of 1915. Dlm. W.R.Roff (pnyt.). *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jabatan SUK Terengganu pada 12 Zulhijjah 1346H bersamaan 2 Jun 1928 melalui surat pemberitahuan Bil. 1295/1346).
- Jang Aisjah Muttalib. *Pemberontakan Pahang 1891-1896*. 1972. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Jessy, Jonginder Singh. 1965. *History of Malaya (1400-1959)*. George Town: United Publisher.
- Kel M 218/1913.
- Mohamad bin Endut. 1970. *1928 Penderhakaan di Terengganu*. Tesis Sarjana Muda Sastera Universiti Malaya.
- Mohd Yusoff Hashim. 1991. *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Saleh Awang. 1983. *Sejarah Terengganu Darul Iman 1337H-1981*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn.Bhd.
- Muhammad Hussein Khal'i Awang. 1970. *Kelantan dari Zaman Ke Zaman*, Kota Bharu: Dian Sdn. Bhd.

- Report on Certain Mattery Connectes with One Haji Drahman of Terengganu 24 November 1922.
Ridhuan Mohd Noor dan Mohd Fadhli Ghani. 2007. *Ulama dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*. Gombak: MHI Publication.
- Roff, W.R. (pnyt.) 1974. *Kelantan Religion, Soceity and Politics in a Malay*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sadka, Emily. 1968. *The Protected Malay State 1874-1895*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saleh bin Awang. 1992. *Sejarah Terengganu Darul Iman 1361H-1942M*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.
- Salim bin Embong. 2012. Temu bual 15 Ogos.
- al-Sayyid al-Sabiq. 1999. *Fiqh al-Sunnah*. Juz.3. Kaherah: Dar al-Fath Li l'lam al-'Arabiy.
- al-Sona'ani, Muhammad bin Ismail al-Yamani. 1997. *Subul al-Salam*. Juz. 3. Kaherah: Dar al-Hadith.
- SUK (Trg) 1295/1346 ('Ingatan' Pemberitahuan Khas 5 Zuhijjah 1346H Perkara Penderhakaan Rakyat-rakyat Hulu Terengganu).
- SUK (Trg) 1295/1346H (Pemberitahuan Khas 5 Zulhijjah 1346H bersamaan 26 Mei 1928 Perintah Tembak Penderhaka).
- al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. 2001. *Al-Umm*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- al-Syarbini, Muhammad al-Khatib. t.th. *Mughni al-Muhtaj*. Juz.4. Kaherah: Al Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.
- Taqiyu Ad-Din Abi Bakr bin Muhammad. 2000. *Kifayatu al-Akhyar fi Halli Ghayati al-Ikhtisar*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Terengganu Great Britain Treaty. 24 May 1919 Article 11. C.O. 273/47 Young to C.O. 4 June 1919.
- Timah Hamzah. 1981. *Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkinson, R.J.(pnyt) (1907). *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Wright, Arnold. 1908. *Twentieth Century Impressions of British Malaya*. London: D'Lloyd's Great Britain Publishing Company, Ltd.
- Zahadi bin Mohd. 1996. Perjuangan jihad umat Islam Terengganu menentang British 1881m – 1928m. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Zainal Abidin Ahmad. 1934. *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu*. Kuala Terengganu: Percetakan Kerajaan.
- Zaydan, 'Abd al- Karim. 1976. *Ahkam al- Dhimmiyyin wa al-Musta'minin*, Baghdad: Sa'dah Jami'ah Baghdad 'Ala Nasriyyah
- al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

ABU BAKAR ABDULLAH
Kampung Gemuroh Tepoh
21060 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: a.bakar009@yahoo.com

BASRI IBRAHIM
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: basri@ unisza edu.my